

<b>Lembaran Pendedahan Produk</b> Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Takaful 3asyCare. Sila pastikan anda telah membaca terma umum dan syarat.	<b>Takaful 3asyCare</b> Tarikh: <<Tarikh hari ini, dd/mm/yyyy>>
---	--

## 1. Apakah produk ini?

Takaful 3asyCare merupakan Pelan Caruman Berkala Tetap yang memberikan perlindungan takaful bagi Penyakit Kritikal sehingga umur 80. Pelan ini adalah pelan perlindungan penyakit kritikal semata-mata dan tidak mempunyai unsur simpanan atau pelaburan. Jika Orang yang Dilindungi didiagnosis menghidap salah satu daripada penyakit kritikal yang dinyatakan, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar. Kami akan membayar tambahan 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas sebagai Manfaat Penjagaan Khas dan manfaat ini hanya diberikan kepada Orang yang Dilindungi yang bukan perokok.

### Manfaat Penyakit Kritikal

#### **Kanser**

- Sebarang tumor malignan yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

#### **Serangan Jantung**

- Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah dengan bukti berlakunya sejarah sakit dada tipikal, perubahan ciri baru elektrokardiografik dan peningkatan petunjuk kardiium.

#### **Strok / Angin Ahmar**

- Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak mencukupi, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi daripada satu sumber selain daripada kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan.

#### *Nota:*

*Sila rujuk sijil Takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat yang penuh.*

## 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

### • **Takaful**

ia bermaksud satu konsep saling membantu di mana para Peserta Takaful saling bersetuju untuk memberi sumbangan terhadap satu dana yang sama Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

### • **Wakalah**

ia bermakna konsep Syariah di mana wakil akan dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful, ianya bermaksud Kami, sebagai Pengendali Takaful, dilantik sebagai pengurus untuk mengurus urus niaga Takaful bagi pihak Peserta dengan mengenakan Yuran Wakalah yang telah dipersetujui.

### • **Tabarru'**

ia bermakna derma dan dalam konteks Takaful, ia adalah jumlah wang yang disumbangkan oleh Peserta ke dalam APRP berdasarkan kontrak pendermaan. Kontrak Syariah ini digunakan dalam skim Takaful untuk mengelakkan elemen riba.

### • **Qard**

ia bermakna pinjaman tanpa faedah yang Pengendali Takaful sediakan jika berlakunya defisit dalam APRP.

### • **Hibah**

Sekiranya terdapat pengisytiharan lebih daripada APRP pada setiap akhir tahun kewangan, ia akan dikongsi dengan Peserta sebanyak 50% berdasarkan kontrak Hibah (hadiah).

### 3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Terdapat dua pilihan yang ada iaitu Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM 50,000 dan RM 100,000

	Huraian	Tempoh Perlindungan	Peratusan Jumlah Perlindungan Asas
1	Manfaat Penyakit Kritikal: Kanser; atau Serangan Jantung; atau Strok / Angin Ahmar.	Sehingga usia 80 tahun	100%
2	Manfaat Penjagaan Khas <sup>1</sup>		10%
<b>Jumlah</b>			<b>110%</b>

Nota:

<sup>1</sup> Hanya Orang yang dilindungi yang bukan perokok sahaja layak menerima manfaat ini

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 4. Berapakah jumlah caruman?

Caruman Pilihan 1: Jumlah Pilihan Asas RM 50,000

Umur Yang Dicapai	Lelaki				Perempuan			
	Tahunan (RM)	Semi-Tahunan (RM)	Suku-Tahunan (RM)	Bulanan (RM)	Tahunan (RM)	Semi-Tahunan (RM)	Suku-Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
18 - 24	150.40	76.70	38.73	13.08	152.00	77.52	39.14	13.22
25 - 29	173.20	88.33	44.60	15.07	178.40	90.98	45.94	15.52
30 - 34	188.80	96.29	48.62	16.43	196.70	100.32	50.65	17.11
35 - 39	216.90	110.62	55.85	18.87	225.10	114.80	57.96	19.58
40 - 44	264.90	135.10	68.21	23.05	271.50	138.47	69.91	23.62
45 - 49	363.70	172.58	87.14	29.44	362.80	173.30	87.50	29.56
50 - 54	467.40	238.37	120.36	40.66	430.90	219.76	110.96	37.49
55 - 59	688.70	351.24	177.34	59.92	535.30	273.00	137.84	46.57
60 - 64	1006.40	513.26	259.15	87.56	672.00	342.72	173.04	58.46
65 - 69	1489.70	759.75	383.60	129.60	874.00	445.74	225.06	76.04
70 - 74	2138.10	1090.43	550.56	186.01	1248.30	636.63	321.44	108.60
75 - 79	2881.20	1469.41	741.91	250.66	1699.80	866.90	437.70	147.88

Caruman Pilihan 2: Jumlah Pilihan Asas RM 100,000

Umur Yang Dicapai	Lelaki				Perempuan			
	Tahunan (RM)	Semi-Tahunan (RM)	Suku-Tahunan (RM)	Bulanan (RM)	Tahunan (RM)	Semi-Tahunan (RM)	Suku-Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
18 - 24	169.10	86.24	43.54	14.71	170.60	87.01	43.93	14.84
25 - 29	197.70	100.83	50.91	17.20	208.40	106.28	53.66	18.13
30 - 34	226.10	115.31	58.22	19.67	242.40	123.62	62.42	21.09
35 - 39	299.00	143.82	72.62	24.53	319.70	150.55	76.01	25.68
40 - 44	464.70	189.98	95.92	32.41	485.90	197.93	99.94	33.76
45 - 49	681.40	287.13	144.97	48.98	679.60	287.84	145.33	49.10
50 - 54	839.90	428.35	216.27	73.07	752.40	383.72	193.74	65.46
55 - 59	1294.40	660.14	333.31	112.61	964.40	491.84	248.33	83.90
60 - 64	1943.20	991.03	500.37	169.06	1241.30	633.06	319.63	107.99
65 - 69	2964.70	1512.00	763.41	257.93	1671.80	852.62	430.49	145.45
70 - 74	4218.70	2151.54	1086.32	367.03	2450.30	1249.65	630.95	213.18
75 - 79	5729.00	2921.79	1475.22	498.42	3367.50	1717.43	867.13	292.97

Nota:

Jumlah caruman adalah tidak dijamin dan dikira berdasarkan umur yang dicapai Orang yang Dilindungi pada setiap ulang tahun Sijil. Kami berhak untuk menukar kadar caruman yang dikira, pada permulaan mana-mana Tahun Sijil, dengan syarat Kami akan memaklumkan Orang yang Dilindungi/ Peserta sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terdahulu sebelum tarikh pembaharuan caruman disemak semula.

## 5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

### Yuran Wakalah

Yuran Wakalah ialah jumlah (a) Yuran Wakalah mengikut peratus (%) dari caruman yang dibuat dan (b) Yuran Wakalah untuk setiap tahun sijil yang seperti ditunjukkan dalam jadual berikut.

(a) Yuran Wakalah mengikut peratus (%) daripada caruman yang dibuat

Tahun Caruman	Peratus (%) Caruman
1	30
2 to 6	20
7 onwards	15

(b) Yuran Wakalah untuk setiap tahun sijil berdasarkan mod caruman

Tahunan	Semi-Tahunan	Suku-Tahunan	Bulanan
RM 30.00	RM 30.60	RM 30.92	RM 31.32

Contoh:

Orang Yang Dilindungi:

- Lelaki, Umur 30
- Caruman Pilihan 2 = Jumlah Perlindungan Asas RM 100,000; Caruman tahun pertama: RM 226.10
- Mod Caruman: Tahunan

Pengiraan:

$$[(a) \times \text{Caruman Tahun Pertama}] + (b) = \text{Yuran Wakalah}$$

$$[30\% \times \text{RM } 226.10] + \text{RM } 30 = \text{RM } 97.83$$

### Tabarru'

Amaun caruman selepas menolak Wakalah Fee akan diperuntukkan kepada PRIA.

## 6. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya perhatikan?

- Cukai - Semua caruman dan yuran yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada cukai atau lain-lain levi kerajaan.
- Kepentingan untuk membuat pendedahan – anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata terhadap Zurich Takaful Malaysia Berhad. Sekiranya terbukti terdapat penyembunyian fakta material dan ianya merupakan penipuan yang disengajakan atau sengaja ditinggalkan, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.
- Mengikut Perenggan 4 (1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu ianya relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunapakai dan sebarang perkara yang munasabah di dalam keadaan yang boleh dijangka diketahui sebagai relevan, jika tidak, ianya mungkin akan mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak Takaful anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami, dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang disediakan dalam Borang Permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah. Sekiranya terbukti terdapat penyembunyian fakta material dan ianya merupakan penipuan yang disengajakan atau sengaja ditinggalkan, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan digunapakai.
- Mengikut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, sekiranya anda memohon Takaful ini semata-mata untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau ketika ada memohon Takaful ini). Anda hendaklah menjawab soalan-soalan secara penuh dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk menjawab soalan-soalan akan menyebabkan pembatalan kontrak, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak anda. Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak takaful anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami. Selain menjawab soalan dalam borang permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara-perkara lain yang anda tahu ianya relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang digunapakai. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami, dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang disediakan dalam Borang Permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah diubah.

- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan sijil ini dengan memulangkan dokumen sijil dalam tempoh 15 hari selepas penghantaran sijil. Caruman yang telah dilakukan (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh Ihsan - Anda mempunyai tempoh ihsan 31 hari dari tarikh caruman perlu dibuat. Sekiranya caruman masih tidak dibuat selepas tempoh ihsan, sijil akan luput.

*Nota:*

*Sila rujuk sijil Takaful bagi terma-terma dan syarat -syarat yang penuh bagi pelan ini.*

## **7. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?**

- Sijil ini tidak melindungi
  - 1 Penyakit Kritikal selain penyakit yang dihadapi pada pertama kali;
  - 2 Penyakit Sedia Ada;
  - 3 Strok / Angin Ahmar di mana pertama kali tanda-tanda dan gejala-gejala timbul dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Permulaan Sijil;
  - 4 Kanser dan Serangan Jantung di mana pertama kali tanda-tanda dan gejala-gejala timbul dalam tempoh 60 hari dari Tarikh Permulaan Sijil;
  - 5 Apa-apa penyakit yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya disebabkan oleh kecederaan diri semasa waras atau tidak waras, penyalahgunaan alkohol secara sengaja dan/atau pengambilan dadah selain seperti yang diarahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar;
  - 6 Kematian yang berlaku dalam tempoh 14 hari daripada diagnosis dan pengesahan Penyakit Kritikal.

### **Definisi**

Penyakit Sedia Ada hanya bermaksud hilang upaya yang sedia ada sebelum Tarikh Permulaan yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Dilindungi. Orang Yang Dilindungi dianggap untuk mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada tersebut apabila keadaan tersebut adalah:-

- (a) Orang Yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan;
- (b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata;
- (d) Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

*Nota:*

*Sila rujuk sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian bagi pelan ini.*

## **8. Bolehkah saya membatalkan / menyerahkan sijil ini?**

- Ya, anda (Peserta) boleh membatalkan Sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami.
- Jika anda memilih untuk membatalkan sijil ini selepas Tempoh Bertenang, anda hanya akan dilindungi di bawah sijil ini sehingga tarikh caruman seterusnya perlu dibayar. Tiada nilai tunai yang akan dibayar dan tiada Caruman yang telah dibayar akan dikembalikan. Apabila serahan dibuat, pelan ini akan tamat. Jika anda ingin menukar ke Takaful Perubatan dan Kesihatan yang sekarang ini dengan yang lain atau dari satu pengantara kepada pengantara lain, anda mungkin tertakluk kepada pengunderaitan dan tempoh menunggu yang baharu untuk pelan lain.

## **9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?**

- Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami jika terdapat perubahan pada maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa yang ditetapkan.

## **10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

- Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk pada buku "Takaful Perubatan dan Kesihatan" yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich Takaful Malaysia Berhad  
Level 23A, Mercu 3,  
No.3, Jalan Bangsar,  
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-888-622

: 03-2109 6000

Fak : 03-2109 6888

E-mel : [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)

## 11. Jenis perlindungan lain yang serupa

- Sila hubungi kami jika anda berminat untuk mengetahui terdapatnya produk lain yang serupa bagi perlindungan Takaful.

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI SIJIL TAKAFUL INI ATAU MENGHUBUNGI ZURICH TAKAFUL MALAYSIA BERHAD BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT.**

**Zurich Takaful Malaysia Berhad didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah setakat 01/03/2019.**

Sekiranya ada pertikaian dan percanggahan mengenai lembaran pendedahan produk ini di dalam versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

SAMPLE